

Jenis Akhbar : *Bernama Online*  
Tarikh : 02/11/2017  
Edisi / Muka Surat : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)

## **2,376 Koperasi Sekolah Disasar Terlibat Perniagaan Peruncitan 2020**

*Tarikh kemaskini: 02/11/2017*

TANAH MERAH, 2 Nov (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan 2,376 sekolah di seluruh negara terbabit dengan aktiviti perniagaan peruncitan menjelang 2020.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata ia amat penting bagi membolehkan koperasi sekolah mencapai perolehan sebanyak RM1 juta setahun dengan perniagaan runcit dan tidak lagi bergantung kepada perniagaan tradisional menjual alat kelengkapan persekolahan sahaja.

"Kami akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk membenarkan koperasi sekolah menjual lima barangan kawalan iaitu gula, minyak masak, tepung gandum, beras dan susu.

"Kami juga akan mengadakan kerjasama dengan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) bagi membolehkan barangan daripada kedai tersebut dijual di koperasi sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Bersama Presiden Angkasa di Kolej Vokasional Tanah Merah (KVTM) di sini, hari ini.

Abdul Fattah berkata langkah tersebut sekali gus dapat menjadikan koperasi sebagai ejen menangani kos sara hidup kerana institusi pendidikan itu juga mempunyai komuniti masyarakat seperti guru, kakitangan, pelajar dan ibu bapa.

Beliau berkata setakat ini hanya 400 koperasi sekolah di negara ini yang terbabit dengan perniagaan peruncitan dengan lima daripadanya mencatat perolehan RM1 juta.

-- BERNAMA